



**GARIS PANDUAN PEJABAT KEWANGAN NEGERI
PERAK DARUL RIDZUAN**

KERAIAN RASMI KERAJAAN NEGERI

**TARIKH KEMASKINI:
01 JANUARI 2026**

KANDUNGAN

| | |
|--|-------|
| 1. PENDAHULUAN | 2 |
| 2. KADAR MAKAN BAGI MAJLIS RASMI NEGERI DAN KERAJIAN | 2 - 4 |
| 3. BAYARAN PENGACARA MAJLIS DAN PEMBACA DOA | 5 |
| 4. PELAKSANAAN PROGRAM JABATAN DI PREMIS SWASTA | 5 - 6 |
| 5. <i>TEAM BUILDING</i> | 7 |
| 6. MAJLIS PERSARAAN KAKITANGAN AWAM NEGERI | 7 |
| 7. PERATURAN-PERATURAN PELAKSANAAN MAJLIS / KERAJIAN RASMI ... | 7 - 8 |
| 8. PEMATUHAN | 8 |

1. PENDAHULUAN

- 1.1 Garis panduan ini disediakan untuk menjelaskan peraturan dan syarat-syarat berkaitan keraian bagi penganjuran majlis / acara rasmi Kerajaan.
- 1.2 "Majlis / acara rasmi Kerajaan" adalah ditafsirkan sebagai **mesyuarat / persidangan / konvensyen / seminar / bengkel** yang diadakan di peringkat Antarabangsa / Kebangsaan / Negeri / Daerah / Jabatan, meraikan pelawat iaitu orang-orang kenamaan atau rombongan rasmi dari dalam atau luar Negara yang diakui terwajib diraikan secara rasmi berkaitan dengan urusan Kerajaan, acara peluncuran atau pembukaan rasmi serta penutup sesuatu projek / pertandingan oleh Jabatan / Agensi.
- 1.3 Latihan / Kursus / Bengkel / Seminar bermaksud program pemindahan ilmu bagi penambahan pengetahuan, kemahiran dan sikap.
- 1.4 Semua Jabatan dibenarkan untuk mewujudkan kawalan dalaman masing-masing. **Tiada tambahan peruntukan** yang akan disediakan bagi maksud tersebut.

2. KADAR MAKAN BAGI MAJLIS RASMI NEGERI DAN KERAIAN

- 2.1 Kadar khusus majlis / keraian adalah seperti kategori di bawah:

- i. Majlis-majlis rasmi / keraian Negeri melibatkan DYMM Paduka Seri Sultan / DYTM Raja Muda / DYAM Raja Di-Hilir:

| Kategori | Kadar Makan | |
|------------|---|-------------------------------|
| | Makan Pagi / Minum Petang / Minum Malam | Makan Tengahari / Makan Malam |
| Meja Utama | Tidak melebihi RM120.00 | Tidak melebihi RM250.00 |
| Tetamu VIP | Tidak melebihi RM80.00 | Tidak melebihi RM100.00 |

| | | |
|--------------|------------------------|------------------------|
| Tetamu biasa | Tidak melebihi RM40.00 | Tidak melebihi RM60.00 |
|--------------|------------------------|------------------------|

- ii. Majlis-majlis rasmi / keraian Negeri melibatkan YAB. Perdana Menteri / YAB. Menteri Besar / YAB. Timbalan Perdana Menteri / YAA. Ketua Hakim Negara / YB. Yang di-Pertua Dewan Negeri / YB. Menteri / YB. Ahli-Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri (EXCO) / YB. Timbalan Menteri:

| Kategori | Kadar Makan | |
|--------------|---|----------------------------------|
| | Makan Pagi / Minum Petang / Minum Malam | Makan Tengahari / Makan Malam |
| Tetamu VIP | Tidak melebihi RM50.00 | Tidak melebihi RM80.00 |
| Tetamu biasa | Tidak melebihi RM25.00 | Tidak melebihi RM40.00 |

- iii. Majlis-majlis rasmi / keraian Negeri melibatkan *Ex-Officio* (YB. Setiausaha Kerajaan Negeri / YB. Penasihat Undang-Undang Negeri/ YB. Pegawai Kewangan Negeri) / Ketua Setiausaha Negara / Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam / Ketua Setiausaha Kementerian / Ketua Perkhidmatan / Ketua Jabatan Persekutuan:

| Kategori | Kadar Makan | |
|--------------|---|----------------------------------|
| | Makan Pagi / Minum Petang / Minum Malam | Makan Tengahari / Makan Malam |
| Tetamu VIP | Tidak melebihi RM20.00 | Tidak melebihi RM50.00 |
| Tetamu biasa | Tidak melebihi RM15.00 | Tidak melebihi RM30.00 |

- 2.2 Kadar jamuan tetamu yang membuat lawatan kerja / melaksanakan audit / perkongsian pintar atau lain-lain perkara rasmi ke Jabatan sama ada dari Persekutuan / Negeri lain ditetapkan seperti berikut:

| Kategori | Kadar Makan |
|-----------------|------------------|
| Sarapan Pagi | RM10.00 sekepala |
| Makan Tengahari | RM20.00 sekepala |
| Minum Petang | RM10.00 sekepala |
| Makan Malam | RM20.00 sekepala |

- 2.3 Selari dengan amalan belanja berhemat bagi tahun 2026, Perenggan 14.1 Pekeliling Perbendaharaan WP 1.4 telah dikeluarkan daripada senarai terima pakai oleh Negeri. Kadar jamuan bagi mesyuarat, kursus, seminar, bengkel dan majlis rasmi Kerajaan ditetapkan pada kadar berikut:

| Perkara | Kadar Makan |
|-----------------|------------------|
| Sarapan Pagi | RM8.00 sekepala |
| Makan Tengahari | RM15.00 sekepala |
| Minum Petang | RM8.00 sekepala |
| Makan Malam | RM15.00 sekepala |

- 2.4 Kadar jamuan bagi raptai program hendaklah mengikut kadar di perenggan 2.3.

3. BAYARAN PENGACARA MAJLIS DAN PEMBACA DOA

3.1 Kadar bayaran Pengacara Majlis, Pembaca Doa dan Pembaca Ayat Suci Al-Quran ditetapkan seperti berikut:

| Kategori | Pengacara Majlis | Pembaca Doa Merangkap Pembaca Ayat Suci Al-Quran | Pembaca Doa sahaja |
|---|------------------|--|--------------------|
| Majlis Rasmi melibatkan DYMM Paduka Seri Sultan / DYTM Raja Muda / DYAM Raja Di-Hilir dan setaraf | RM300.00 | RM200.00 | RM150.00 |
| Majlis Rasmi melibatkan YAB. Menteri Besar / EXCO / <i>Ex-Officio</i> Kerajaan Negeri dan setaraf | RM200.00 | RM150 | RM100.00 |

3.2 Tiada sebarang bayaran yang dibenarkan bagi sesi raptai.

4. PELAKSANAAN PROGRAM JABATAN DI PREMIS SWASTA

4.1 Pegawai Pengawal dibenarkan untuk melaksanakan program Jabatan dan perolehan mengikut pekeliling-pekeliling yang berkuat kuasa tertakluk kepada peruntukan sedia ada Jabatan masing-masing.

4.2 Penganjuran majlis / keraian rasmi boleh dilaksanakan di premis yang bersesuaian termasuk hotel tertakluk kepada peruntukan sedia ada Jabatan yang telah diluluskan tanpa melibatkan peruntukan tambahan. Namun, Pegawai Pengawal perlu mempertimbangkan keutamaan kepada institusi latihan awam atau kemudahan sedia ada milik Kerajaan. **Pegawai Pengawal bertanggungjawab sepenuhnya** untuk memastikan perbelanjaan awam

dilaksanakan **secara berhemat** bagi setiap penganjuran majlis / keraian rasmi.

4.3 Keutamaan hendaklah diberikan mengikut ketetapan berikut:

4.3.1 Perolehan sehingga RM20,000.00 boleh dilaksanakan di kalangan mana-mana hotel / syarikat berdaftar / tidak berdaftar dengan Kementerian Kewangan.

4.3.2 Perolehan melebihi RM20,000.00 hendaklah dilaksanakan di kalangan hotel / syarikat yang berdaftar dengan Kementerian Kewangan dalam kod bidang 222501 (Hotel / Resort).

4.4 Kadar Program Secara Pakej

4.4.1 Kadar bagi pelaksanaan program rasmi yang melibatkan penginapan adalah mengikut kelayakan pakej seorang pegawai berdasarkan gred jawatan. Kaedah perkiraan pakej:

[Kelayakan Penginapan + Kelayakan Elaun Makan (WP1.4)]

4.4.2 Kadar bagi pelaksanaan program rasmi Jabatan yang diadakan tanpa penginapan ditetapkan tidak melebihi RM200.00 seorang sehari.

4.5 Untuk kursus secara individu / berkumpulan yang dianjurkan oleh pihak swasta, Pegawai Pengawal dibenarkan melulus permohonan dengan siling yuran RM1,500.00 seorang (terhad kepada maksimum 2 orang sahaja setiap kursus).

4.6 Permohonan melebihi had siling yuran dan bilangan pegawai perlu dipanjangkan ke Pejabat Kewangan Negeri untuk pertimbangan.

5. **TEAM BUILDING**

- 5.1 Nilai siling yang diluluskan bagi pelaksanaan program "**Team Building**" Jabatan pada kadar **maksimum RM200.00 seorang (meliputi semua perbelanjaan yang berkaitan)** mengikut bilangan pegawai dan kakitangan yang menyertai program tersebut.
- 5.2 Setiap Jabatan dibenarkan melaksanakan program ini **sekali sahaja** untuk setiap individu sepanjang tahun. Pegawai Pengawal dibenarkan menimbang dan meluluskan pelaksanaan program mengikut nilai harga yang telah ditetapkan di perenggan 5.1.

6. **MAJLIS PERSARAAN KAKITANGAN AWAM NEGERI**

- 6.1 Kadar bagi Majlis Persaraan adalah tertakluk kepada Pekeliling Perbendaharaan WP 5.2 - Peraturan Untuk Meraikan Pegawai Perkhidmatan Awam Yang Bersara.
- 6.2 Jabatan **tidak dibenarkan** membuat perolehan Hadiah Penghargaan kepada Pesara menggunakan peruntukan Jabatan. Para 2.2.1 di dalam WP 5.2 tidak diguna pakai. Hadiah Penghargaan dalam bentuk Sijil Simpanan Premium akan disediakan oleh Bahagian Pengurusan Sumber Manusia, Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri (BPSM, PSUK).

7. **PERATURAN-PERATURAN PELAKSANAAN MAJLIS / KERAJIAN RASMI**

- 7.1 Jumlah jemputan tetamu yang terhad mengikut keutamaan dan berhampiran dengan lokasi majlis bagi mengelakkan pembaziran.
- 7.2 Gimik pelancaran (jika perlu sahaja) ditetapkan pada **siling RM2,000.00**.
- 7.3 Hiasan tempat dan pentas hendaklah ringkas.

- 7.4 Pemberian cenderamata / *goodies* / alat tulis / buku nota / beg atau lain-lain aksesori tidak dibenarkan.
- 7.5 Pemberian **pakaian percuma** kepada urus setia / peserta / pengunjung **tidak dibenarkan sama sekali**.
- 7.6 Pelantikan *travel agent*, pengurus acara (*event manager*) dan perunding bagi tujuan penganjuran majlis / keraian rasmi adalah **tidak dibenarkan**.
- 7.7 Ke kerapannya mengadakan majlis / keraian rasmi hendaklah dihadkan kepada aktiviti rasmi yang dianggap penting dan perlu sahaja.
- 7.8 Amalan bertentangan syarak di dalam penganjuran majlis / program keraian Negeri adalah tidak dibenarkan.

8. PEMATUHAN

- 8.1 Semua Jabatan dibenarkan untuk mewujudkan kawalan dalaman masing-masing bagi memastikan peruntukan bagi tujuan keraian adalah mencukupi.
- 8.2 Garis Panduan ini berkuat kuasa serta-merta dan Pekeliling Pejabat Kewangan Negeri terdahulu berkaitan perkara ini adalah **terbatal**.

**PEJABAT KEWANGAN NEGERI
PERAK DARUL RIDZUAN.**